



MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR

MPHS

DARIPADA ANDA UNTUK ANDA



MAJLIS
PENGISYTIHARAN
PERBANDARAN
H U L U
SELANGOR 21.10.21



Sila imbas untuk
versi digital



korporatmphs@gmail.com



03-6064 1331



www.mphs.gov.my



korporatmphsofficial

SEKAPUR IRIH

*Sekapur Sireh Seulas Pinang,
Dihidang Untuk Makan Bersama,
Kata Dititip Pantun Dikarang,
Sebagai Pembuka Manis Bicara*

السَّلَامَةُ عَلَيْنَا مِمَّا رَزَقَنَا اللَّهُ وَبِرَحْمَتِهِ

Alhamdulillah, kerana dengan limpah kurnia dan izinNya kita dapat bersua kembali pada keluaran Buletin Bil.1/2021. Buletin ini amat istimewa kerana ia memaparkan aktiviti dan program yang dijalankan dari Majlis Daerah Hulu Selangor hingga dinaik taraf kepada Majlis Perbandaran Hulu Selangor iaitu pada tanggal 21 Oktober 2021 (Khamis) bersamaan 14 Rabi'ul Awal 1443 Hijrah.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Majlis Perbandaran Hulu Selangor kerana menyambut baik kedatangan saya ke sini sejak dilantik sebagai Tuan Yang Dipertua pada 1 September 2021.

Sesungguhnya, saya menerima jawatan ini dengan penuh rasa syukur dan rendah diri. Saya sedar bahawa amanah yang diberikan bersama tugas dan tanggungjawab besar ini bukanlah satu perkara yang mudah.

Namun begitu, saya yakin dan percaya dengan adanya sokongan dokongan dan komitmen daripada barisan Ahli Majlis, Pengarah Jabatan, Ketua Bahagian serta warga kerja Majlis Perbandaran Hulu Selangor, sudah pasti dapat membantu saya untuk mengemudi organisasi ini serta mencapai misi dan visi Majlis Perbandaran Hulu Selangor.

Dengan sukacitanya saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada seluruh warga kerja dan rakyat Hulu Selangor atas sumbangan yang diberikan sehingga penaiktarafan ke Majlis Perbandaran Hulu Selangor berjaya direalisasikan.

Dalam situasi sekarang di mana bilangan kes harian yang semakin meningkat, doa saya buat seluruh rakyat Hulu Selangor semoga kita semua terus di dalam lindungan Allah S.W.T jua.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Assalamualaikum W.B.T.

TUAN MOHD HASRY BIN NOR MOHD
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR



SIDANG REDAKSI

BULETIN MPHS BIL. 1/2022

“Selangor Maju Bersama”
“Berkhidmat Untuk Negara”

PENAUNG Tuan Mohd Hasry Bin Nor Mohd
Yang Dipertua
PENASIHAT Tuan Awaluddin Bin Zakaria, A.M.S.
Setiausaha
KETUA PENGARANG Puan Junainah Binti Abdullah
Ketua Bahagian Korporat
PENGARANG Puan Rabiatul Adawiah Abdul Rahman • Puan Siti Khalijah Mahauddin
JURU FOTO Abdul Azim Bin Abu Bakar
Bahagian Korporat
DITERBITKAN OLEH Bahagian Korporat
Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Jalan Bukit Kerajaan
44000 Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor.
Emel: korporatmphs@gmail.com | 03 6064 1331 samb. 121 & 252



ANDUNGAN

SEKAPUR SIREH

2

JULAI

1. MINI INNOVATION SHOWCASE TEAM EXCELLENCE (MTEX) 2021 5
2. TPM MELAWAT MANGSA COVID 19 DAN SALUR KEPERLUAN ASAS 5
3. SUMBANGAN YDP DAN ORANG BESAR DAERAH HULU SELANGOR KEPADA WARIS MANGSA COVID 19. 6
4. OPERASI REBAN AYAM 6
5. PROGRAM *FOOD BANK* "JOM KONGSI REZEKI" 7

OGOS

6. ANUGERAH EMAS DI *ANNUAL QUALITY ENVIRONMENT CHALLENGE (AQEC)* 2021 7
7. *FOODSCAPE YOUR HOME* 2021 8
8. KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG 8

SEPTEMBER

1. MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR 9
2. PERTANDINGAN *REGIONAL INNOVATION SHOWCASE ON TEAM EXCELLENT (RisTex)* 10
3. LAWATAN TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (P) KEMENTERIAN PENGANGKUTAN KE LOKASI KEJADIAN TANAH RUNTUH, KUALA KUBU BHARU 10
4. MDHS LAKSANA PROGRAM *FOOD BANK* "JOM KONGSI REZEKI" BERSAMA PASARAYA SEGI FRESH KUALA KUBU BHARU 11
5. PENILAIAN AKHIR ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR (AINS) 2021 11
6. PROGRAM GOTONG ROYONG PERDANA QE 5S MDHS 12
7. LAWATAN RASMI YDP MDHS KE PERODUA, SUNGAI CHOH 13

OKTOBER

1. PROGRAM BUAL BICARA "MENGGA MIT MEMORI, MENYUSUR IMPIAN BERSAMA MANTAN YDP MDHS, YBHG. DATO' ZULKEPLI AHMAD 13
2. OPS SITA KILANG KITAR SEMULA (PLASTIK) TANPA LESEN 14
3. LAWATAN RASMI KETUA PENGARAH PLANMALAYSIA KE DAERAH HULU SELANGOR DAN LAWATAN TAPAK KE GENTING HIGHLANDS 14
4. MAJLIS TAZKIRAH PERDANA SEMPERNA PROGRAM SELANGKAH MENUJU PERBANDARAN MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR 2021 BERSAMA PU AZMAN 14
5. MAJLIS SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA PERINGKAT DAERAH HULU SELANGOR 15
6. MAJLIS BACAAN YASSIN DAN SOLAT HAJAT PERDANA 2021 BERSEMPENA PROGRAM SELANGKAH MENUJU PERBANDARAN MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR 15
7. MAJLIS BACAAN YASSIN DAN TAZKIRAH PERDANA BERSEMPENA PROGRAM SELANGKAH MENUJU PERBANDARAN MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR 2021 16
8. PENYERAHAN CENDERAHATI SEMPERNA PENGISTIHARAN MPHS 16



MAJLIS ANGKAT SUMPAN YDP MDHS KE-9

9



ANDUNGAN

- | | | |
|---|-------|----|
| 9. MAJLIS SEMPERNA MENJUNJUNG TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SELANGOR BAGI PENGISYTIHARAN MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR | 17-19 | |
| 10. WEBINAR PENDIDIKAN KOMUNITI STRATA MPHS SIRI 1 | 20 | |
| 11. SUMBANGAN DEEPAVALI MPHS 2021 | 20 | |
| 12. 100 YEAR TOWN PLANNING RIDE | | 20 |



NOVEMBER

- | | | |
|---|--|----|
| 13. MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN PAKEJ KITA SELANGOR 2.0 BAGI KEBUN KOMUNITI DI DAERAH HULU SELANGOR | | 21 |
| 14. MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA (HHA) DAN PENGISYTIHARAN WILAYAH <i>CENTRAL FOREST SPINE (CFS)</i> PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2021 | | 21 |
| 15. <i>ANNUAL PRODUCTIVITY AND INNOVATION SHOWCASE ON TEAM EXCELLENCE 2021</i> | | 21 |
| 16. PERLAWANAN PERSAHABATAN BOLA SEPAK MDHS BERTEMU MSNS | | 22 |
| 17. PROGRAM WEBINAR PENDIDIKAN KOMUNITI STRATA MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR 2021 SIRI 2 | | 22 |
| 18. MPHS BERSAMA MR D.I.Y TRADING SDN BHD LAKSANA PROJEK TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) DI SUNGAI KEDONDONG, BATANG KALI | | 22 |
| 19. BENGKEL HALA TUJU MPHS | | 23 |

DISEMBER

- | | | |
|---|--|-------|
| 20. ANUGERAH PIALA INOVASI MENTERI KPKT | | 23 |
| 21. MAJLIS ANUGERAH LAMAN HIJAU STRATA NEGERI SELANGOR TAHUN 2021 | | 24 |
| 22. MAJLIS PERASMIAN BENGKEL <i>FOCUS GROUP DISCUSSION (FGD-01)</i> BERSAMA PEMEGANG TARUH BAGI KAJIAN HULU SELANGOR <i>LANDSCAPE BLUEPRINT (HSLABp) 2035</i> | | 24 |
| 23. KURSUS PENYELENGGARAAN POKOK RENEK, POKOK TEDUHAN DAN AMENITI BAGI KONTRAKTOR LANTIKAN MPHS | | 25 |
| 24. FAM TRIP INAP DUSUN PAKEJ GOLF DAERAH HULU SELANGOR | | 25 |
| 25. #MPHSprihatin #PrayForSelangor | | 26 |
| 26. PROGRAM AHLI MAJLIS | | 27-30 |
| 27. KERATAN AKHBAR | | 31 |
| 28. LAPORAN ADUAN | | 32-33 |
| 29. DIREKTORI PENGURUSAN DAN AHLI MAJLIS | | 34-35 |



MINI INNOVATION SHOWCASE TEAM EXCELLENCE (MTEX) 2021

1 Julai 2021 • Kumpulan **Nature Throne** daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat dengan produk **Smart Lid 2.0** dan kumpulan dari Jabatan Kejuruteraan iaitu **D'Innovator** dengan produk **Ezy-M** telah menyertai program ini. Kedua-dua kumpulan memperoleh **Anugerah Emas** dan akan bertanding di **Regional Innovation Showcase Team Excellence (RISTEx) 2021**.



Kategori Anugerah

NAMA KUMPULAN	NAMA ORGANISASI	ANUGERAH
PEAS2SE	KOLEJ PROFESIONAL MARA BERANANG	EMAS
D'INNOVATOR	MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR	EMAS
NATURE THRONE	MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR	EMAS
AERD-eDIS	UMW	EMAS
TENBIS	MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA	EMAS
HEURISTIK	MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA	EMAS
NOVA	JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI PULAU PINANG	EMAS
FURY BUG	JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI PULAU PINANG	EMAS

MPC

TPM MELAWAT MANGSA COVID 19 DAN SALUR KEPERLUAN ASAS

22 JULAI 2021 • Nazurah Nabilah Benyajeed, 19, bersama tujuh adik beradik lain yang kisahnyanya tular selepas kehilangan ibu bapa akibat Covid-19 akan diserap masuk menjadi anak angkat Boustead Holdings, sebuah anak syarikat di bawah Kementerian Pertahanan (MINDEF) Malaysia. Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, "segala perbelanjaan dan pendidikan adik beradik itu akan ditanggung sepenuhnya oleh syarikat tersebut sehingga mereka berumur 18 tahun".



SUMBANGAN YDP DAN ORANG BESAR DAERAH HULU SELANGOR KEPADA WARIS MANGSA COVID 19



22 JULAI 2021 • Majlis Daerah Hulu Selangor melalui program MDHS Prihatin menyampaikan sumbangan barangan keperluan makanan dan wang tunai bagi meringankan beban keluarga adik Nadzurah. Nadzurah dan adik-adiknya telah kehilangan ibu dan ayah akibat Covid 19. Sumbangan telah disampaikan oleh Ybrs. Tuan Dr. Mohd Azhar bin Mohamed Ali, Yang Dipertua MDHS. Turut serta YDM Raja Dato Muzaffar Raja Redzwa, Orang Besar Daerah Hulu Selangor.



OPERASI REBAN AYAM

27 JULAI 2021 • Sebuah Premis Ladang Ternakan Ayam Penelur diarah tutup oleh Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) di dalam satu operasi bersepadu di Kalumpang, Hulu Selangor. Operasi melibatkan kerjasama beberapa agensi luar seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Lembaga Urus Air Selangor(LUAS), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Hulu Selangor dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Hulu Selangor. Turut hadir bersama Ahli Majlis kawasan, Abdul Mun'im Roslin. Pihak jabatan melaksanakan pemantauan sepanjang tempoh notis penutupan berdasarkan tinjauan awal yang telah dilakukan oleh Pegawai Kesihatan MDHS. Tindakan susulan daripada jabatan teknikal terlibat dilakukan dari segi Pelan Bangunan dan Lesen Perniagaan Majlis bagi memastikan pihak premis mematuhi kesemua syarat teknikal dari pihak Majlis.



JOM KONGSI REZEKI PROGRAM FOOD BANK



31 JULAI 2021 • Berikutan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 yang diumumkan sebelum ini Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) telah melaksanakan Program *Food Bank* 'Jom Kongsi Rezeki' di bawah Inisiatif Kerjasama Strategik MDHS - Swasta bersama MR. D.I.Y Trading Sdn. Bhd. Penyerahan barang sumbangan telah disampaikan oleh Encik Nur Saiful Azly Mohamad Zin, Penolong Pengurus Bahagian Sumber Manusia, MR. D.I.Y Trading Sdn Bhd kepada wakil MDHS, Encik Mohd Norazif Ahmad Tamsis, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan bertempat di Pejabat Cawangan MDHS di Bukit Sentosa. Program ini merupakan jalinan kerjasama di dalam inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dari pihak swasta dalam membantu meringankan beban keluarga yang terjejas.

ANUGERAH EMAS ANNUAL QUALITY ENVIRONMENT CHALLENGE (AQEC) 2021

5 Ogos 2021 • **Team Induk 5S MDHS** telah berjaya merangkul **Anugerah Emas** di *Annual Quality Environment Challenge (AQEC) 2021*. Kejayaan itu diumumkan oleh Malaysian Produktivity Corporation (MPC) di Majlis Penutup dan Pengumuman Pemenang yang berlangsung secara atas talian. Dengan kejayaan ini MDHS layak bertanding ke peringkat Kebangsaan.





FOODSCAPE YOUR HOME 2021

12 Ogos 2021 • Program ini merupakan inisiatif MDHS untuk melahirkan para usahawan tani di Hulu Selangor dan terbuka kepada penduduk di kawasan Hulu Selangor yang berminat untuk turut serta. Keutamaan diberikan kepada suri rumah dan warga Hulu Selangor yang tidak bekerja. Tujuan utama adalah untuk menjana pendapatan isi rumah dan juga untuk masakan. Peserta yang layak dan memenuhi syarat akan diberi tunjuk ajar dan khidmat nasihat berkenaan program ini.



KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG

30 Ogos 2021 • Perhimpunan Pagi dan Pelancaran Sambutan Kemerdekaan MDHS telah diadakan secara sederhana. Perhimpunan yang diadakan secara maya dengan mematuhi SOP dan norma baru telah dirasmikan oleh Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua MDHS. Dalam ucapannya Tuan Awaluddin menggesa semua warga kerja agar memperbaharui tekad dan iltizam bagi mempersiapkan diri dengan persediaan ke arah Perbandaran. Beliau juga mengingatkan warga kerja agar memahami erti perjuangan yang sebenar dan menghargai erti kemerdekaan. Di majlis yang sama Tuan Awaluddin turut menyampaikan hadiah bagi program QE5S yang telah dilaksanakan oleh semua zon.



MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR



7 September 2021 • Pertandingan yang diadakan secara atas talian menggunakan platform *Microsoft Teams* telah disertai oleh 3 buah kumpulan dari Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS). Kumpulan tersebut terdiri daripada Bahagian Teknologi Maklumat (**IT Crew**) dan Bahagian Korporat, Bahagian OSC (**OSC The Legend**) dan daripada kumpulan **Furry Inferno** gandingan Jabatan Landskap dan Jabatan Khidmat Pengurusan.

Kumpulan **Furry Inferno** mendapat johan dalam kategori Inovasi Sosial (Penciptaan) dan membawa pulang RM15,000.00, piala pusingan, piala iringan beserta sijil penghargaan..



MAJLIS ANGKAT SUMPAH YDP MDHS KE-9



8 September 2021 • Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) menyambut ketibaan Yang Dipertua MDHS yang ke-9 iaitu Yang Berbahagia Tuan Mohd Hasry Bin Nor Mohd bertempat di ibu pejabat Majlis Daerah Hulu Selangor, Kuala Kubu Bharu. Ketibaan Tuan YDP telah disambut dengan tabik hormat oleh Anggota Penguatkuasa MDHS dan diteruskan dengan Majlis Upacara Angkat Sumpah Jawatan Yang Dipertua yang diadakan secara atas talian. Upacara angkat sumpah telah

disaksikan oleh Yang Dimuliakan Engku Raja Dato' Muzaffar bin Raja Redwa, Orang Besar Daerah Hulu Selangor, Tuan Awaluddin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua MDHS, Ahli-Ahli Majlis, Pengarah-Pengarah Dan Ketua Jabatan MDHS.



PERTANDINGAN REGIONAL INNOVATION SHOWCASE ON TEAM EXCELLENT (RisTex)

8 - 9 September 2021 • MDHS mengucapkan tahniah kepada kumpulan **Nature Throne** dan Kumpulan **D'Innovator** yang telah meraih kejayaan dalam penyertaan **REGIONAL INNOVATION SHOWCASE ON TEAM EXCELLENT (RisTex)** wilayah ibu pejabat yang lalu secara atas talian menerusi platform Microsoft Teams. Kumpulan **Nature Throne** dengan produk **Smart Lid 2.0** dan Kumpulan **D'Innovator** dengan produk **Ezy-M** berjaya merangkul **Anugerah Emas** seterusnya melayakkan diri untuk bertanding ke peringkat kebangsaan, **Annual Productivity dan Innovation Showcase (Arise)** yang akan diadakan pada November 2021.



LAWATAN TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (P) KEMENTERIAN PENGANGKUTAN KE KEJADIAN TANAH RUNTUH, KUALA KUBU BHARU



23 September 2021 • Satu lawatan tapak oleh YBhg. Dato' Razali bin Mohamad Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Pengangkutan Malaysia bagi melihat kesan dari kejadian tanah runtuh yang berlaku ke kawasan KTMB. Turut hadir Timbalan YDP MDHS, Pegawai Daerah Hulu Selangor, Jabatan Kejuruteraan MDHS, Jabatan Perancang MDHS, JKR HS, JPS HS, JMG, Kementerian Pengangkutan (MOT) serta Pihak KTMB. Tujuan lawatan adalah untuk meninjau dan mengenalpasti punca kejadian. Runtuhan tanah berpunca daripada aktiviti tambakan tanah oleh individu pemilik tanah untuk dijadikan akses jalan ke tanah berhakmilik. Runtuhan juga terjadi akibat limpahan air yang terlalu banyak akibat daripada fenomena hujan berterusan dan mengakibatkan air bertakung di atas puncak yang tidak dapat menampung tekanan daripada air tersebut lantas mengakibatkan kegelonsoran tanah.



PROGRAM "JOM KONGSI REZEKI" BERSAMA PASARAYA SEGI FRESH KUALA KUBU BHARU

24 September 2021 • Majlis Daerah Hulu Selangor bersama Syarikat Segi Value Holdings Sdn. Bhd. (Pasaraya Segi Fresh) telah melaksanakan **Program Food Bank 'JOM KONGSI REZEKI'** di bawah inisiatif kerjasama strategik MDHS - Swasta. Program ini merupakan jalinan kerjasama di dalam inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bertujuan meringankan

beban berikutan Covid - 19 khususnya di Daerah Hulu Selangor. Majlis Penyerahan telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua MDHS bersama Encik Fong Leong, Pengurus Besar Kanan Segi Value Holdings Sdn. Bhd. Seramai 113 menerima beg makanan yang terdiri daripada barangan basah dan kering.



PENILAIAN AKHIR ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR (AINS) 2021



27-30 September 2021 • Penilaian akhir Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) 2021 yang berlangsung pada 27 hingga 30 September 2021 telah disertai oleh 2 kumpulan daripada MDHS serta 2 kumpulan daripada kategori sekolah ini.

Bahagian Teknologi Maklumat MDHS menerusi kumpulan **IT Crew** dengan produk E-TV Stand dan produk E 3P yang berkolaborasi bersama Jabatan Landskap MDHS telah diadakan penilaiannya pada 27 September 2021 secara atas talian.



PROGRAM GOTONG ROYONG PERDANA QE 5S MDHS

29 - 30 September 2021 • Program Gotong Royong Perdana dan Amalan Persekitaran Berkualiti (ABP) 5S telah diadakan bersempena Majlis Daerah Hulu Selangor dinaik taraf ke Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Ruang persekitaran Ibu Pejabat MDHS dibersihkan oleh semua kakitangan mengikut zon-zon yang telah ditetapkan. Program ini dianjurkan oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dengan kerjasama Jawatankuasa Amalan Persekitaran Berkualiti (ABP)-5S MDHS.



LAWATAN RASMI YDP MDHS KE PERODUA, SUNGAI CHOH



30 September 2021 • Majlis Daerah Hulu Selangor mengadakan lawatan rasmi dan kunjungan hormat ke Pusat Pemasangan Kereta Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd (PERODUA) di Sungai Choh, Serendah. Lawatan ini merupakan **lawatan rasmi pertama** Tuan Yang Dipertua, Tuan Mohd Hasry Bin Nor Mohd selepas mengangkat sumpah pada 8 September 2021 yang lalu. Turut serta bersama beberapa Pengarah dan Ketua Jabatan MDHS. Ketibaan delegasi MDHS telah disambut oleh Yang Berbahagia Dato' Zainal Abidin Ahmad, Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) PERODUA bersama-sama pengurusan tertinggi PERODUA. Di dalam lawatan tersebut, pihak PERODUA memaklumkan telah membangunkan Pusat Pemasangan yang berteknologi tinggi, serta membantu dalam menaiktaraf infrastruktur sekitar seperti



menaiktaraf jalan-jalan sekitar Bandar Bukit Sentosa, menyediakan jalan penyambung dari Bandar Bukit Sentosa ke Serendah bagi kemudahan penduduk Bukit Beruntung / Bukit Sentosa ke Kuala Lumpur melalui 'Rawang Bypass' dan membina Masjid PERODUA untuk kegunaan orang ramai.



PROGRAM BUAL BICARA "MENGGAMIT MEMORI, MENYUSUR IMPIAN"



BERSAMA MANTAN YDP MDHS

1 Oktober 2021 • Program Bual Bicara bertajuk "Menggamit Memori, Menyusur Impian bersama Mantan Yang Dipertua Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), Yang Berbahagia Dato' Zulkepli bin Ahmad diadakan di Dewan Merdeka, Kuala Kubu Bharu. Program ini juga turut menampilkan pesara-pesara yang pernah berkhidmat dengan MDHS dan menjadi tunjang kejayaan MDHS. Pelbagai kenangan pahit dan manis telah dikongsikan sepanjang beliau menjadi YDP MDHS. Sikap beliau yang ramah membuat semua kakitangan menyenjunginya. Pesanan beliau disiplin dan komitmen yang tinggi merupakan faktor utama dalam sesebuah organisasi untuk terus maju dan cemerlang.





OPS SITA KILANG KITAR SEMULA (PLASTIK) TANPA LESEN

6 Oktober 2021 •

Operasi bersama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Polis Diraja Malaysia Cawangan Bukit Sentosa telah berjaya menyita sebuah kilang kitar semula plastik yang beroperasi tanpa lesen di kawasan Perindustrian Kamunting, Bukit Sentosa. Tindakan sitaan di bawah Undang-undang kecil 3 dan 38 Undang-undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MDHS) 2007. Operasi ini merupakan tindakan susulan kepada pemantauan yang telah dilakukan oleh anggota Penguatkuasa MDHS pada 27 September 2021.



LAWATAN RASMI KETUA PENGARAH PLANMALAYSIA KE MDHS



7 Oktober 2021 • Majlis Daerah Hulu Selangor menerima kunjungan hormat Ketua Pengarah PlanMalaysia dan PLANMalaysia@Selangor. Para delegasi juga diberikan taklimat dan mengadakan lawatan tapak bagi Kajian Rancangan Kawasan Khas Genting Highlands, Hulu Selangor. Antara delegasi yang hadir ialah YBrs. TPr Gs Dr. Shamsaini binti Shamsuddin (Ketua Pengarah PLANMalaysia), Gs Mohamaed Zamri bin Mohd Zain (Pengaruh PPZT PLANMalaysia), TPr Sulaiman bin Mohamad (Timbalan Pengarah PLANMalaysia@Selangor) dan TPr Salina binti Alang Abdul Rahman (PLANMalaysia).



MAJLIS TAZKIRAH PERDANA SEMPENA PROGRAM SELANGKAH MENUJU PERBANDARAN MDHS 2021

8 Oktober 2021 • Dianjurkan oleh AKRAB MDHS secara dalam talian menerusi Microsoft Teams. Tazkirah yang bertajuk "**Didik Hati Jangan Sampai Mati**" disampaikan oleh penceramah Selebriti PU Azman.



MAJLIS SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA PERINGKAT DAERAH HULU SELANGOR

9 Oktober 2021 • Majlis Sambutan Hari Sukan Negara Peringkat Daerah Hulu Selangor telah diadakan di Taman Sinar Harapan Kuala Kubu Bharu. Program yang dianjurkan oleh Pejabat Belia dan Sukan Daerah telah dirasmikan oleh Tuan Pegawai Daerah Hulu Selangor, YBrs. Tuan Muhamad Hanafe Basri. Turut hadir Tuan Yang Dipertua MDHS, Tuan Mohd Hasry Nor Mohd serta Ketua-Ketua Jabatan Daerah Hulu Selangor. Sambutan ini diadakan bagi menggalakkan rakyat Hulu Selangor khususnya mengamalkan gaya hidup aktif melalui aktiviti sukan dan kecergasan di samping meningkatkan penyertaan dan penglibatan dalam aktiviti bersukan.



MAJLIS BACAAN YASSIN DAN SOLAT HAJAT PERDANA 2021 SEMPENA PROGRAM SELANGKAH MENUJU PERBANDARAN MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR

14 Oktober 2021 • Majlis bacaan Surah Yassin dan Solat Hajat Perdana sempena Majlis Pengisytiharan Majlis Perbandaran Hulu Selangor di Masjid Jamek Ar Rahimah Kuala Kubu Bharu dihadiri oleh Tuan Awaludin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua MDHS serta warga kerja MDHS. Program ini dipimpin oleh ustaz Muhammad bin Said.



MAJLIS BACAAN YASSIN DAN TAKKIRAH PERDANA BERSEMPENA PROGRAM SELANGKAH MENUJU PERBANDARAN MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR 2021

15 Oktober 2021 • Program ini diadakan di Dewan Merdeka, Kuala Kubu Bharu dan dihadiri oleh Tuan Awaludin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua MDHS serta warga kerja MDHS. Bacaan surah Yasin dipimpin oleh Yang Berbahagia Prof. Madya Dato' Dr. Haji Mohd Farid Ravi bin Abdullah. Beliau turut menyampaikan tazkirah bertajuk "**Hangatkan Hati dengan Kemanisan Ukhwah**".



PENYERAHAN CENDERAHATI SEMPENA PENGISYTIHARAN MPHS

21 Oktober 2021 • Sempena Pengisytiharan Majlis Perbandaran Hulu Selangor pada 21 Oktober 2021 secara atas talian, MPHS telah menyediakan cenderahati khas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor yang telah disampai oleh Tuan Mohd hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua MPHS. Beberapa ahli exco, PBT Selangor dan agensi lain telah menerima cenderahati tersebut yang telah ditempah khas oleh MPHS.





MAJLIS SEMPENA MENJUNJUNG TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SELANGOR BAGI **PENGISYTIHARAN** MAJLIS **PERBANDARAN** HULU SELANGOR

21 Oktober 2021 • Majlis Daerah Hulu Selangor telah diluluskan naik taraf kepada Majlis Perbandaran Hulu Selangor oleh Jemaah Menteri, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 24 Februari 2021 setelah menepati semua kriteria naik taraf sebuah perbandaran.





pembangunan infrastruktur lengkap, mampan dan berdaya tahan



Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor ke 15/2021 yang diadakan pada 21 April 2021 yang telah disahkan oleh MMKN ke 16/2021 pada 28 April 2021 telah menimbang dan meluluskan Pewartaan dan Pengurniaan Taraf Perbandaran kepada Majlis Daerah Hulu Selangor sebagai Majlis Perbandaran Hulu Selangor pada 21 Oktober 2021 (Khamis) iaitu bersamaan 14 Rabi'ul Awwal 1443H.

Pengisytiharan secara rasmi telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor secara dalam talian di musim pandemik Covid-19 sebagai menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.





semua warga kerja harus menangani cabaran mendatang dan menggembeling usaha bagi memantapkan kualiti perkhidmatan buat rakyat



Be Be
Sekalung Tahniah
SETINGGA-TINGGI UCAPAN TAHNIAH
DI ATAS PENGISYTIHARAN
MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR
PBT BERTARAF PERBANDARAN PADA
21 OKTOBER 2021
Semoga Terus Maju Jaya
Ikhtis daripada:
Tuan Haji Tukiman bin Nail
Mantan Yang Dipertua
Majlis Daerah Hulu Selangor
Tahun 2008 - 2014



WEBINAR PENDIDIKAN KOMUNITI STRATA MPHS SIRI 1



27 Oktober 2021 • Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB) MPHS telah mengadakan satu program webinar Pendidikan Komuniti Strata MPHS 2021 secara dalam talian bagi kawasan pemajuan berstrata daerah Hulu Selangor. Program ini telah dirasmikan oleh Tuan YDP MPHS yang juga merangkap Pesuruhjaya Bangunan, Tuan Mohd Hasry Bin Nor Mohd, A.M.S. Sesi perkongsian ilmu ini telah disampaikan oleh Tuan Inspektor Mohammad 'Izzat bin Haji Hassan. Webinar ini menfokuskan berkenaan Penguatkuasaan Undang-Undang Kecil yang terkandung di dalam Peraturan-Peraturan Strata (Pengurusan dan Penyenggaraan 2015) dan memberi kefahaman lanjut berkaitan peranan dan tanggungjawab JMB/MC/Ejen Pengurusan dalam menyelesaikan permasalahan yang berkait rapat dengan ketidakpatuhan Undang-Undang Kecil yang telah digariskan supaya dapat meningkatkan kualiti pengurusan dan penyenggaraan di kawasan kediaman berstrata masing-masing dan seterusnya dapat memastikan kehidupan di komuniti strata yang selesa dan harmoni.

SUMBANGAN DEEPAVALI MPHS 2021

29 Oktober 2021 • Seramai 36 kakitangan MPHS yang beragama hindu telah menerima sumbangan berupa barangan keperluan dan penyediaan perayaan hari Deepavali. Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua MPHS, telah meluangkan masa dan beramah mesra seterusnya menyampaikan sumbangan tersebut. Majlis turut dimeriahkan dengan kehadiran Ahli Majlis iaitu Encik A. Kanagarajah, Encik S. Murali, Encik L. Kamalesa Rao, Encik Durai Anbalagan, Encik S. Chinniah dan juga Cik J. Marina.



100 YEARS TOWN PLANNING RIDE



31 Oktober 2021 • Program **100 YEARS TOWN PLANNING RIDE** KUALA KUBU BHARU KE PUTRAJAYA anjuran Persatuan Pegawai Perancang Bandar dan Desa Malaysia (PESADA) dengan kerjasama Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS). Tujuan program ini adalah bagi mengenang semula perjalanan profesion Perancang Bandar yang bermula dengan Perancangan Bandar Kuala Kubu Bharu yang dirancang oleh Perancang Bandar pertama Malaya dengan konsep Bandar Taman ke Putrajaya yang merupakan bandar terkini dirancang dengan konsep Bandar Taman Pintar sebagai simbolik pelepasan Tuan YDP menandatangani bendera Kayuhan 100 tahun dan bendera ini dibawa oleh peserta untuk ditandatangani pula oleh Presiden Perbadanan Putrajaya Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain.

MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN PAKEJ KITA SELANGOR 2.0 BAGI KEBUN KOMUNITI

2 November 2021 • MPHS telah menyambut kedatangan Yang Berhormat Tuan Ir. Izham bin Hashim, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pertanian, Perladangan & Industri Asas Tani Negeri Selangor bagi Majlis Penyerahan Bantuan Pakej Kita Selangor 2.0 Bagi Kebun Komuniti di daerah Hulu Selangor. Turut hadir adalah Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, YDP MPHS, Yang Dimuliakan Engku Raja Dato' Muzaffar bin Raja Redzwa, Orang Besar Daerah Hulu Selangor, Tuan Azahar bin Ibrahim, Pengarah Jabatan Pertanian Selangor dan Ahli-Ahli Majlis MPHS.



MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA (HHA) DAN PENGISYTIHARAN WILAYAH CENTRAL FOREST SPINE (CFS) PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2021

11 November 2021 • Kuala Kubu Bharu diisytiharkan sebagai Wilayah Central Forest Spine (CFS) bersempena dengan Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Selangor. Majlis telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Turut hadir Tuan Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, YDP MPHS. Wilayah Central Forest Spine (CFS) di Negeri Selangor melibatkan

Secondary Linkages (SL) CFS S2:SL3 yang merangkumi Hutan Simpan Raja Musa - Hutan Simpan Bukit Tarek - Hutan Simpan Gading. Negeri Selangor juga telah mengorak langkah proaktif dengan menyediakan pelan tindakan yang khusus dikenali sebagai Rancangan Pengurusan Central Forest Spine (CFS) Negeri Selangor. CFS adalah inisiatif di peringkat kebangsaan berdasarkan Rancangan Fizikal Negara Ke-2 (RFN2).



ANNUAL PRODUCTIVITY AND INNOVATION SHOWCASE ON TEAM EXCELLENCE (ARISE) 2021



16 November 2021 • Annual Productivity And Innovation Showcase On Team Excellence (Arise) telah diadakan secara atas talian. Kumpulan Induk 5S, MPHS telah berjaya merangkul 4 Bintang dan tersenarai dalam 6 kumpulan terbaik QE/5S. **D'Innovator** telah memenangi **Anugerah Emas** dengan **5 Bintang** bagi Kategori Sektor Awam (Negeri) seterusnya melayakkan diri ke peringkat ICQCC (Antarabangsa). **Nature Throne** telah memenangi **Anugerah Emas** dengan **4 Bintang**.



PERLAWANAN PERSAHABATAN BOLA SEPAK MDHS VS MSNS



17 November 2021 • Perlawanan persahabatan bagi mengeratkan silaturahim antara Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) dengan Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) anjuran Biro Sukan & Kebajikan MPHS dan MSN Negeri Selangor telah diadakan pada 17 November 2021 di padang Mini Stadium Shah Alam. Turut hadir Encik Muhammad Azri Bin Mohd Romli, Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Sukan MSN.



WEBINAR PENDIDIKAN KOMUNITI STRATA MPHS SIRI 2

22 November 2021 • Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB) MPHS telah menganjurkan Program Webinar Pendidikan Komuniti Strata MPHS 2021 Siri 2 secara maya di Bilik Mesyuarat Chiling. Program telah dirasmikan oleh Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua MPHS manakala penutupan program telah disempurnakan oleh Sr. Husna binti Hassan, Timbalan Pesuruhjaya Bangunan (COB) 2 MPHS. Sesi ceramah telah disampaikan oleh Encik Kama Azizi bin Kamarulzaman, Unit Auditan, Cawangan Pendakwaan, Audit dan Penguatkuasaan, Bahagian Pengurusan Strata, Jabatan Perumahan Negara, KPKT.

Seminar ini merupakan usaha pihak Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB) MPHS bagi memberikan pendedahan kepada JMB/MC/Ejen Pengurusan berkaitan Garis Panduan Kaedah Perolehan Pihak Pengurusan Strata yang telah dikeluarkan oleh KPKT pada tahun 2020 bagi memastikan pengurusan kewangan dapat dilaksanakan dengan lebih telus dan tidak melibatkan isu salah guna kuasa dan penyelewengan.



MPHS BERSAMA MR. D.I.Y LAKSANA PROJEK TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)



23 November 2021 • Demi semangat cintakan alam semuladi, Syarikat terkemuka MR. D.I.Y Trading Sdn Bhd telah berkolaborasi dengan MPHS bagi melaksanakan projek Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) di kawasan Rekreasi Sungai Kedondong, Batang Kali bagi mengatasi masalah sisa buangan yang ditinggalkan oleh pengunjung di kawasan tersebut. Seramai 80 orang sukarelawan yang terdiri daripada kakitangan MPHS, MR. D.I.Y, JPS Hulu Selangor, Angkatan Pertahanan Awam (APM), Jabatan Perhutanan Daerah dan Jabatan Kebajikan Orang Asli (JAKOA) terlibat dalam menjayakan program tersebut. Simbolik perasmian projek CSR ini adalah majlis penyerahan dan pemasangan papan tanda utama serta papan tanda amaran dan peringatan untuk para pengunjung ke kawasan ini. Program dihadiri oleh Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, YDP MPHS dan Dato' Azlam Shah bin Alias, Pengerusi MR. D.I.Y, Encik Andrian Ong, Ketua Pegawai Eksekutif MR. D.I.Y dan Encik Henry Woon, Naib Pengerusi Pengurusan Sumber Manusia MR. D.I.Y.





BENGKEL HALA TUJU MPHS

23 - 25 November 2021 • MPHS telah mengadakan Bengkel Hala Tuju Perbandaran di IOI Delemen Hotel, Genting Highlands. Bengkel selama 3 hari ini telah dihadiri oleh semua Pengarah dan Ketua Bahagian MPHS.

Dalam bengkel tersebut MPHS telah menggariskan 5 perkara utama bagi memastikan pembangunan di Hulu Selangor dapat dilaksanakan.

lanya merangkumi:

1. Pemantapan Imej Perbandaran
2. Mendaya Upaya Komuniti
3. Memperkasa Hasil / Organisasi
4. Memperkukuh Tadbir Urus
5. Melestarikan Pembangunan Bestari




4 Disember 2021 • Anugerah disampaikan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di Setia SPICE Convention Centre, Pulau Pinang bersempena dengan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) kali ke-20. Dua kumpulan yang bertanding iaitu **I Sync** telah memenangi Tempat ke 3 Kategori Daerah, Keseluruhan Tempat ke-18. Manakala **SSN Reborn** memenangi Tempat ke-4 Kategori Daerah, Keseluruhan Tempat ke-19.

ANUGERAH PIALA INOVASI MENTERI KPKT



**KESELURUHAN
(RM25,000.00 - GERAN KPKT)**

KE-18	MDHS	U-CUTTER
KE-19	MDHS	SISTEM LAMPU PEJABAT



MAJLIS ANUGERAH LAMAM HIJAU STRATA NEGERI SELANGOR

2 Disember 2021 • Majlis Anugerah Laman Hijau Strata Negeri Selangor Tahun 2021 dirasmikan oleh Yang Berhormat Puan Rodziah binti Ismail, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan dan Kesejahteraan Bandar dan Pembangunan Usahawan. Turut hadir Encik Mohd Hafiz bin Hassan, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Perancangan Pembangunan, Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor. Dalam majlis itu, **JMB Pangsapuri Seri Bakawali** di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Hulu Selangor dinobatkan sebagai **juara** sekali gus membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM 8,000.00 serta sijil penghargaan. **JMB Pangsapuri Semarak** pula di tempat **ketiga** dengan membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM 4,000.00 serta sijil penghargaan.



MAJLIS PERASMIAN BENGKEL FOCUS GROUP DISCUSSION (FGD-01) BERSAMA PEMEGANG TARUH BAGI KAJIAN HULU SELANGOR **LANDSCAPE BLUEPRINT (HSLABp) 2035**



6 Disember 2021 • Majlis perasmian bengkel telah disempurnakan oleh Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, YDP MPHS. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk mendapatkan maklum balas yang terperinci bagi kajian teknikal yang telah dilaksanakan oleh pihak perunding di seluruh daerah Hulu Selangor. Pada peringkat Laporan Teknikal ini, kajian akan memfokuskan kepada inventori dan analisa maklumat (primer dan sekunder), yang berkisah kepada isu, masalah serta potensi berkaitan aspek landskap dan rekreasi di kawasan kajian.



Peserta dibahagikan kepada empat kumpulan mengikut pecahan Blok Perancangan (BP). Bengkel ini juga dilaksanakan dengan menerapkan inisiatif mampan dan dinilai oleh Malaysia GPM Sustainability Awards 2021. Turut hadir pada sesi bengkel adalah Wakil Ahli Majlis, Wakil Pengarah Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Bangunan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam dan Jabatan Belia dan Kemasyarakatan, Wakil JKR, JPS dan PTD. Wakil Pasukan Teras daripada Jabatan Landskap, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam dan Jabatan Belia dan Kemasyarakatan.

KURSUS PENYELENGGARAAN POKOK RENEK, POKOK TEDUHAN DAN AMENITI BAGI KONTRAKTOR LANTIKAN MPHS



30 Disember 2021 • Kursus ini dirasmikan oleh LAr. Mohd Fadhil bin Mohd Lani, Pengarah Jabatan Landskap MPHS. Kursus yang diadakan di Dewan Merdeka, Kuala Kubu Bharu bertujuan memberi pengenalan dan memperbaiki mutu kerja kontraktor mengikut spesifikasi penyelenggaraan MPHS. Kursus yang berlangsung 1 hari ini dipenuhi dengan sesi amali sebelah petang di mana peserta diberi penerangan penggunaan *chainsaw* yang betul, kaedah dan keselamatan di tapak atas tanah, *skylift* dan memanjat, demonstrasi memanjat, demonstrasi *skylift* dan demonstrasi memotong pokok.



FAM TRIP INAP DUSUN GOLF PACKAGE DAERAH HULU SELANGOR



25-26 Disember 2021 • Program ini disertai pihak media dan selebriti terkenal yang sememangnya seorang *golfer*, melawati sekitar kawasan Inap Dusun Carpe Diem dan Seri Damai Resort di Kalumpang. Tujuan menjemput media dan selebriti adalah bagi mereka merasai pengalaman pakej Inap Dusun dan sekaligus mempromosikan pakej terbaru MPHS. Program ini juga turut disertai *junior golfer* iaitu adik Mikail, adik Adam dan adik Faris. Antara selebriti yang turut serta dalam program ini ialah Shuib Sepahtu, Mimie Haris, Adda Baharuddin, Santai Travel Channel, Cuti-cuti Malaysia, Raja Cuti MY dan GR Travel & Tours.



#MPHSprihatin #PrayForSelangor

UNIT PANTAS MPHS TERLIBAT DALAM MISI BANTUAN BANJIR DI SHAH ALAM



19 Disember 2021 • Dalam Misi bantuan banjir di Shah Alam, Unit Pantas MPHS turut serta dalam kerja-kerja amal membantu menyelamatkan lebih ramai mangsa-mangsa banjir dengan segera. Warga kerja MPHS mendoakan semoga semuanya berjalan dengan lancar dan dipermudahkan.

MISI BANTUAN BANJIR TEAM PANTAS MPHS DI TAMAN SRI MUDA



20 Disember 2021 • Sekitar operasi Misi Bantuan Banjir Team PANTAS MPHS di Taman Sri Muda, Shah Alam. Dengan kekuatan 6 orang anggota dan 2 buah bot telah dapat membantu menyelamatkan dan memindahkan mangsa banjir ke Pusat Pemindahan Sementara.

BANTUAN MANGSA BANJIR DI KAMPUNG CHUANG, RASA

20 Disember 2021 • Berikutan limpahan air dari Sungai Selangor, Kampung Chuang Rasa mengalami banjir dan team MPHS turut membantu membersihkan kawasan kediaman mangsa yang dinaiki air. Turut sama membantu, Puan Yong Chan Hee dan Encik Chinniah A/L Subramaniam, Ahli Majlis MPHS.

ZIARAH MANGSA BANJIR



21 Disember 2021 • Seramai lebih 20 keluarga terlibat dengan banjir dan telah dipindahkan ke Pusat pemindahan sementara di Dewan Serbaguna Kampung Sungai Selisik. Yang Dipertua MPHS, YBrs. Tuan Mohd Hasry Nor Mohd meluangkan masa melawat mangsa-mangsa banjir di PPS ini dan turut hadir, Tuan Pegawai Daerah, Tuan Mohamad Hanafe Basri, Puan Kamsiah Hussain, Pegawai Kebajikan Masyarakat dan Dr. Rohana Saad, Pegawai Kesihatan Daerah.



TEAM PANTAS MPHS MEMBAWA DATO' MENTERI BESAR SELANGOR MELAWAT KE KAWASAN BANJIR

21 Disember 2021 • Team PANTAS MPHS membawa Dato' Menteri Besar Selangor melawat ke kawasan banjir dan bertemu dengan mangsa mangsa di Kampung Bukit Changang, Kuala Langat dengan 2 buah bot. Dato' Seri Amirudin Shari turut memujuk penduduk yang masih berada di rumah agar berpindah ke pusat pemindahan sementara bagi mengelakkan kejadian yang lebih buruk. Team PANTAS turut membantu mengeluarkan mangsa banjir dan memindahkan ke PPS. Team PANTAS turut dibantu oleh Team Lanun Darat dari Jabatan Perbendaharaan MPHS.



#mphsprihatin

23 Disember 2021 • Misi Bantuan Banjir, Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua MPHS melepaskan sukarelawan yang terdiri dari kakitangan MPHS dalam Misi Bantuan Banjir. Seramai 45 orang sekarelawan MPHS dari pelbagai jabatan ke Daerah Klang untuk memberi bantuan kepada mangsa banjir.

24 Disember 2021 • Sukarelawan MPHS membersihkan sekitar kawasan banjir di Meru, Klang yang terjejas.



24 Disember 2021 • Team sukarelawan MPHS melakukan kerja-kerja pembersihan kawasan Masjid Taman Sri Muda.

26 Disember 2021 • Bantuan diteruskan oleh team sukarelawan MPHS di Kafai As Shabab dan Kafa Intergrasi Al Falah di Taman Sri Muda.



PROGRAM AHLI MAJLIS BERSAMA RAKYAT

ENCIK CHINNIAH A/L SUBRAMANIAM



Program mengibarkan Jalur Gemilang sempena Hari Kebangsaan Ke-64. (ZON 8).



Program Gotong - Royong di sekitar Zon 8 Kuala Kubu Bharu.



Sumbangan barang keperluan perniagaan dan bantuan pendidikan.



Program Ziarah Ramadhan dan Ziarah Deepavali (ZON 8).

PUAN YONG CHAN HEE



4 September 2021 • Membantu golongan yang mempunyai masalah pergerakan dan terlarut untuk mendapatkan vaksin di Kampung Chuang, Rasa.



12 September 2021 • Pengedaran kuih bulan kepada penduduk Rasa sempena Perayaan Moon Festival.

YDM RAJA DATO' MUZAFFAR BIN RAJA REDZWAN



29 Julai 2021 • Lawatan Pemantauan Pengoperasian Program Imunisasi Kebangsaan Awam dan Swasta (PIKAS).



4 Ogos 2021 • Lawatan YAB Menteri Besar ke Pusat Pengoperasian Pemberian Vaksin Daerah Hulu Selangor.



24 September 2021 • Program Food Bank "Jom Kongsi Rezeki" rakan Strategik Segi Fresh Bersama Majlis Daerah Hulu Selangor.



3 Oktober 2021 • Uji Nilai Latihan Tembak Senjata Rifle Unit Tindakhas sempena Lawatan D.Y.T.M Raja Muda Selangor di Lapang Sasar IPD Hulu Selangor.



11 November 2021 • Majlis Perasmian Sambutan Hari Hutan Antarabangsa dan Pengistiharan Wilayah Central Forest Spine Peringkat Negeri Selangor 2021.



1&2 Disember 2021 • Lawatan ke Produk Pelancongan Hulu Selangor.



21 Disember 2021 • Lawatan tapak tinjau Empangan Sungai Selangor dan Majlis Minum Pagi YDM Dato' Orang Besar Daerah Hulu Selangor.

ENCIK FUAD BIN AHMAD NARAVI



Julai 2021 • Edaran Bantuan Makanan Covid-19.



22 Julai 2021 • Sumbangan Kewangan Food Bank Persatuan Penduduk & NGO / Komuniti.



24 Julai 2021 • Edaran Sumbangan Daging NGO Qiraah Management Consultant kerjasama Am MPHs zon 19 kepada keluarga terjejas pandemik covid-19.



24 September 2021 • Edaran kuih bulan agensi keselamatan Balai Polis Bukit Sentosa & Balai Bomba Bkt Sentosa.



20 November 2021 • Program gotong royong cegah denggi Perumahan Seroja 5, Bukit Sentosa.



13 Disember 2021 • Program penyerahan cili Foodscape Your Home.



30 September 2021 • Perasmian program pusat pengumpulan pakaian terpakai anjuran Persatuan Penduduk /KRT Jalan Cempaka.



27 Disember 2021 • Misi cuci banjir bersama NGO/Sukarelawan kawasan Kuala Selangor, Kampung Bestari Jaya.

CIK HUSNA BINTI MOHD IMRAN



4 Oktober 2021 • Serahan penutup muka dan covid test kit.



2 November 2021 • Program Edaran Ayam sempena Perayaan Deepavali.



13 Disember 2021 • Program Kembali ke Sekolah, Sekolah Menengah Kebangsaan Gedangsa.



6 November 2021 • Program Layar Besar Liga Inggeris, 6 November 2021.

ENCIK KANAGARAJA A/L ALLGASEN



30 Oktober 2021 • Ziarah Deepavali 2021 di kawasan Kerling & Lembah Beringin.



30 September 2021 • Bantuan Covid-19 Fasa 3 di kawasan Lembah Beringin.



3 Ogos 2021 • Program Pengagihan Telur Segar di kawasan Kerling & Lembah Beringin.



7 Ogos 2021 • Program pengagihan ikan talapia & keli segar.



2 September 2021 • Program Pengagihan Kuih Bulan di kawasan Kerling.



26 Disember 2021 • Pemberian bag sekolah & kalender 2022 di kawasan Lembah Beringin

ENCIK LAW CHUN YONG



27 Disember 2021 • Edaran kit covid-19 di perkarangan pejabat JPN Hulu Selangor.



29 Disember 2021 • Edaran penyembur serangga sempena kempen pencegahan denggi di SJKC Kampung Gurney, Ulu Yam Baru.



29 Disember 2021 • Edaran kit sempena Program Sambutan Perayaan Ulang Tahun Persatuan Penganut Dewa Nan Hock Kiong, Ulu Yam Baru.

PUAN SARIPAH BINTI BAKAR



22 Disember 2021 • Mengedarkan kalendar 2022, aerosol nyamuk dan racun jentik-jentik kepada penduduk sekitar sempena Kempen Kawalan Pencegahan Denggi MPHS 2021. Kerjasama dengan MPKK Ampang Pecah , JPSPPA MPHS DAN PKD HS.



31 Disember 2021 • Gunting rambut percuma dan mengedarkan peralatan sekolah dan alat tulis kepada 100 orang pelajar lelaki dan perempuan sekolah rendah dan menengah sekitar Kuala Kubu Bharu sempena Porogram Jom Balik Sekolah 2022. Aktiviti kerjasama dengan MPKK Ampang Pecah.

ENCIK LEE MENG WAI



1 Oktober 2021 • Bantuan bakul makanan kepada penduduk yang mengalami bencana hujan ribut.



14 Oktober 2021 • Bantuan bakul makanan kepada PPKK Serendah yang kuarantin.



10 November 2021 • Edaran kalendar 2022 dengan Ahli Parlimen Hulu Selangor.



30 Oktober 2021 • Serahan barang makanan sempena sambutan Deepavali.



10 November 2021 • Rope swing dengan Tuan YDP.

PUAN LAW SUET PENG



30 Julai 21 • Program edaran bakul makanan kepada keluarga kuarantin & golongan pendapatan terjejas.



12 September 21 • Sumbangan kueh bulan kepada penduduk Kerling sempena Perayaan Kueh Bulan 2021.



25 September 21 • Sumbangan bakul makanan kepada ibu-ibu tunggal di Kawasan Kerling.



22 Oktober 21 • Program Sarapan Pagi Percuma kepada penduduk Kerling.



03 November 21 • Sumbangan bakul makanan sempena Perayaan Deepavali 2021.



07 Disember 21 • Aktiviti Disinfeksi di Kg. Air Panas Kerling.



18 Disember 21 • Program Gotong Royong & Pencegahan Denggi di Kg Pasir Kerling.

LAPORAN ADUAN 2021



SISTEM PENGURUSAN ADUAN
#SmartSelangor

PENERIMAAN & EDARAN ADUAN


(JANUARI - DIS 2021)

BULAN	TERIMA	ADUAN	TINDAKAN	SELESAI
JAN	248	288	0	288
FEB	192	219	0	219
MAC	302	361	0	361
APR	305	354	0	354
MEI	254	279	0	279
JUN	255	285	0	285
JUL	198	270	0	270
OGO	200	227	0	227
SEP	294	353	0	353
OKT	225	273	0	273
NOV	238	278	0	278
DIS	241	279	13	266
	2,952	3,466	13	3,453

* Perbezaan diantara Jumlah Terima dan Jumlah Aduan adalah kerana terdapat beberapa kes yang diterima melibatkan lebih daripada satu Agensi/Jabatan

TREND PENERIMAAN EDARAN (ISPA & STARS)

(JANUARI - DIS 2021)




PENERIMAAN ADUAN MENGIKUT JABATAN

MAJLIS / JABATAN	ADUAN	%	DALAM TINDAKAN	SELESAI	%
MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR	100	2.89	0	100	100.00
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT	9	0.26	0	9	100.00
JABATAN PERBENDAHARAAN	10	0.29	0	10	100.00
JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA	27	0.78	0	27	100.00
JABATAN PELESENAN	38	1.10	0	38	100.00
JABATAN PERANCANG	62	1.79	1	61	98.39
BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN COB	119	3.43	0	119	100.00
JABATAN BANGUNAN	229	6.61	1	228	99.56
UNIT KAWALAN HAIWAN TERBIAR	369	10.65	1	368	99.73
JABATAN LANDSKAP	499	14.40	4	495	99.20
JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM	512	14.77	2	510	99.61
JABATAN KEJURUTERAAN	730	21.06	4	726	99.45
JABATAN PENGUATKUASAAN	762	21.98	0	762	100.00
JUMLAH	3,466	100.00	13	3,453	99.62



SALURAN PENERIMAAN ADUAN







KATEGORI ADUAN

BUTIRAN	ADUAN	%	ADUAN	%	%
IKLAN	1	0.03	0	1	100.00
KUBUR	1	0.03	0	1	100.00
KEBERSIHAN PERMIS MAKANAN	12	0.31	0	12	100.00
PONDOK/STESAN BAS/TEKSI	13	0.33	0	13	100.00
PERUMAHAN	17	0.43	0	17	100.00
BIL CUKAI TAKSIRAN	21	0.54	0	21	100.00
BENCANA ALAM	38	0.97	2	36	94.74
PENGUATKUASAAN	40	1.02	0	40	100.00
HARTA PBT	42	1.07	0	42	100.00
TAMAN PERMAINAN / TAMAN RIADAH / TAMAN TASIK / DATARAN	43	1.10	0	43	100.00
LESEN PERNIAGAAN	51	1.30	0	51	100.00
TADBIR URUS	61	1.56	4	57	93.44
HALANGAN AWAM	85	2.17	0	85	100.00
PROJEK/TAPAK BINAAN	87	2.22	1	86	98.85
PENJAJA	101	2.58	0	101	100.00
TEMPAT LETAK KENDERAAN / PARKIR	127	3.24	0	127	100.00
PENCEMARAN	132	3.37	0	132	100.00
JALAN	204	5.21	0	204	100.00
LAMPU	245	6.26	0	245	100.00
BANGUNAN	252	6.44	1	251	99.60
KEJIRANAN	405	10.34	0	405	100.00
POKOK	562	14.35	2	560	99.64
HAIWAN / SERANGGA	669	17.08	1	668	99.85
PEMBERSIHAN AWAM	707	18.05	2	705	99.72
JUMLAH	3,916	100.00	13	3,903	99.67



3 KATEGORI & MASALAH ADUAN TERTINGGI DALAM SISTEM SISPAA, MDHS



PENERIMAAN ADUAN IRS Waze

(JANUARI - DIS 2021)

BULAN	TERIMA	ADUAN	TINDAKAN	SELESAI
JAN	12	12	0	100%
FEB	3	3	0	
MAC	0	0	0	
APR	1	1	0	
MEI	2	2	0	
JUN	8	8	0	
JUL	3	3	0	
OGO	3	3	0	
SEP	1	1	0	
OKT	3	3	0	
NOV	3	3	0	
DIS	9	9	0	
	48	48	0	

DIREKTORI



YANG DIPERTUA

TUAN MOHD HASRY BIN NOR MOHD A.M.S.



SETIAUSAHA

TUAN AWALUDDIN BIN ZAKARIA
A.M.S.



PENGARAH

JABATAN PERBENDAHARAAN
ENCIK SHAIFUL RIZZA BIN HJ PIAMIN
C.A.(M), P.P.T.



PENGARAH

JABATAN KEJURUTERAAN
ENCIK MOHD AZDA BIN NORDIN
P.P.T.



PENGARAH

JABATAN PERANCANG BANDAR
PUAN AZLINA BT MOKHTAR
P.P.T.



PENGARAH

JABATAN LANDSKAP
LA. MOHD FADHL BIN MOHD LANI



PENGARAH

JABATAN BANGUNAN
ENCIK MD RIZAL BIN MOHD SOFIAN@ABD KARIM



PENGARAH

JABATAN PELESENAN
ENCIK KAMARUZZAMAN BIN ABDUL RAHMAN
P.P.T.



PENGARAH

JABATAN PENGUATKUASAAN
ENCIK AWALUDDIN BIN ZAKARIA
A.M.S.



PENGARAH

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
ENCIK MOHD NORAZIF BIN AHMAD TAMISIS



PENGARAH

JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM
ENCIK MOHD SHAHRIL BIN RAMLI



KETUA

BAHAGIAN KORPORAT
PUAN JUNAINAH BINTI ABDULLAH



KETUA

BAHAGIAN PUSAT SETEMPAT (OSC)
ENCIK MOHD RAZAINI BIN ISHAK



KETUA

BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)
PUAN HUSNA BINTI HASSAN



PENGARAH

JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
ENCIK AMLIE BIN ISMAIL
P.P.T.



KETUA

BAHAGIAN PERUNDANGAN
PUAN RUZIANAH BINTI MOHAMAD



KETUA

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
ENCIK MOHAMAD RAMDAN BIN IBRAHIM



KETUA

BAHAGIAN AUDIT DALAM
ENCIK SAMSUL KAMAL BIN ABD AZIZ



KETUA

JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
PUAN NURUL HUDA AHMAD BINTI KHAIRUDDIN



KETUA

BAHAGIAN PEROLEHAN
CIK NORAZIMAH BINTI MOHD ARSHAD



KETUA

UNIT INTEGRITI
ENCIK ABDULLAH SHAHRUL BIN ROSLI

YANG DIPERTUA SETIAUSAHA, PENGARAH/KETUA JABATAN DAN AHLI-AHLI MAJLIS



ZON 24

YANG DIMULIAKAN ENSKU ORANG
KAYA MAHA BIJAYA HULU SELANGOR
DATO' RAJA MUZAFFAR BIN
RAJA REDZWA D.S.I.S.



ZON 14

ENCIK LAW CHUN YOONG



ZON 6

PUAN LAW SUET PENG



ZON 6

ENCIK ABDUL MUN'IM
BIN ROSLIN



ZON 20

PUAN SALMAH BINTI ALI



ZON 11

ENCIK MURALI A/L SAMEE



ZON 3

PUAN ROHANI BINTI YUSUF



ZON 21

PUAN LIM POH KUAN



ZON 9

PUAN SARIPAH BINTI BAKAR



ZON 2

CIK HUSNA BINTI MOHD AMRAN



ZON 7

ENCIK KANAGARAJA
A/L ALLAGASEN



ZON 10

PUAN YONG CHAN HEE



ZON 15

ENCIK MD JOHARI BIN HALUS



ZON 16

ENCIK LEE MENG WAI



ZON 12

PUAN TAN LAI ZHEN



ZON 4

ENCIK A. DUARAI ANBALAGAN
A/L AYYA KANAMA



ZON 19

ENCIK FUAD BIN AHMAD NARAVI



ZON 13

PUAN NORHAYATI BINTI
ABU KASIM



ZON 23

PUAN ARABAIH BINTI SALEH



ZON 8

ENCIK CHINNIH A/L
SUBRAMANIAM



ZON 1

ENCIK MUHAMMAD DZUL
HILMI BIN ZAINOL



ZON 18

ENCIK L. KAMALESA RAO
A/L LETCHIMANAN



ZON 22

PUAN MARINA A/P. JEYASEELAN



ZON 17


ENCIK MUHAMMAD SYAFIQ
BIN ZAZALI





MEKANISME SALURAN ADUAN APLIKASI iCLEAN SELANGOR

iClean Selangor membantu anda untuk melaporkan aduan berkenaan sampah secara langsung melalui telefon pintar anda.



Pendaftaran Mudah

Pendaftaran menjadi ahli baru adalah mudah dan pantas.



Lokasi Aduan

Setiap aduan akan mempunyai lokasi GPS untuk kami pastikan kesahihannya dengan lebih tepat.



Aduan Bergambar

Meningkatkan kesahihan geografi dengan menambah unsur-unsur imej ke atas peta.



Semakan Aduan

Anda boleh menyemak aduan anda melalui aplikasi mobile pada bila-bila masa. Status aduan akan dihantar sebagai notifikasi untuk makluman anda.



Lebih Cepak

Setiap Aduan yang kami terima akan dikategori secara automatik dan diutus kepada jabatan dan bahagian yang berkenaan dengan pantas. Aduan anda akan dapat kami segerakan tindakannya.



Maklum Balas Awal

Anda akan diberikan maklum balas secepat selepas aduan anda diterima. Sebarang maklumat ke hadapan akan dihantar kepada anda dengan kadar segera.

019-375 9592
019-375 3980

019-274 2824

iclean@kdebwm.com

1-800-88-2824

Muat-Turun Sekarang!



* Hanya Taip "iClean Selangor" di ruangan carian.

Daftar

1. Klik pada ikon 'PENGGUNA BARU'
2. Masukkan NAMA, NAMA PROFIL dan NOMBOR KAD PENGENALAN anda dan tekan 'Seterusnya'
3. Masukkan ALAMAT, NOMBOR TELEFON, NO FAKS, E-MEL dan pilih PIHAK BERKUASA TEMPATAN anda dan tekan 'Seterusnya'
4. ID PENGGUNA anda akan ditetapkan. Masukkan KATALALUAN dan sahkan KATALALUAN anda. Tekan 'Hantar'



ISSN 2682-8367



MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR

Jalan Bukit Kerajaan, 4-000 Kuala Kubu Bharu, Selangor Darul Ehsan

Telefon : +603 6064 1331 | Faks : +603 +6064 3991 | Aduan : aduan@mphs.gov.my